



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

24.06.2022

❖ Melabur sewaktu inflasi dan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar

Tindakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (*US Federal Reserve, Fed AS*) yang mengambil langkah agresif untuk membendung inflasi dengan menaikkan kadar faedah telah menjerumuskan Wall Street ke dalam pasaran menurun atau situasi yang mana indeks seperti Standard and Poor's (S&P) 500, Indeks Perindustrian Dow Jones (*Dow Jones Industrial Average, DJIA*), Indeks Komposit Nasdaq (*Nasdaq Composite*) atau bahkan saham individu telah jatuh 20% atau lebih daripada paras tertinggi baru-baru ini.

Pada minggu berakhir 17 Jun, S&P 500 menjunam 5.8%, kerugian mingguan paling tinggi sejak Mac 2020, sekaligus menjerumuskannya jauh ke dalam pasaran menurun. Sementara itu, saham cip biru DJIA merosot 4.8% untuk jatuh di bawah 30,000 buat kali pertama sejak Januari 2021. Dalam tempoh yang sama, Nasdaq yang menghimpunkan sebahagian besar saham syarikat berkaitan teknologi dan internet, menyusut 4.8%, turun 33% daripada rekod tertingginya.

Penurunan pasaran di Wall Street adalah selaras dengan langkah agresif oleh Fed AS untuk menaikkan kadar faedahnya sebanyak 0.75% dalam kenaikan paling agresif sejak 1994.

Ini berlaku selepas indeks harga pengguna (*consumer price index, CPI*) Amerika Syarikat meningkat 8.6% pada bulan Mei berbanding setahun yang lalu, peningkatan tertinggi sejak Disember 1981. Inflasi teras tidak termasuk makanan dan tenaga meningkat 6%. Kedua-duanya lebih tinggi daripada yang dijangka.

Setelah kadar dana penanda arasnya mencecah julat 1.5% hingga 1.75% iaitu kadar tertinggi sejak sebelum pandemik COVID-19 bermula pada Mac 2020, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (*Federal Open Market Committee, FOMC*) kini dijangka meningkatkan lagi kadar sedia ada kepada 3.40% menjelang akhir 2022. Kadar ini lebih tinggi daripada jangkauan awal iaitu 1.90% yang diramalkan pada Mac 2022.

Kesan riak

Pendirian Fed AS yang berterusan menaikkan kadar faedah berbanding menormalisasikannya akan mewujudkan tekanan yang besar kepada bank-bank pusat Asia untuk mempercepatkan kenaikan kadar masing-masing, terutama dalam

konteks aliran keluar portfolio pelaburan baru-baru ini yang berlaku di seluruh rantau ini.

Pengerusi Fed AS, Jerome Powell juga telah membayangkan kenaikan kadar 50 hingga 75 mata asas (*basis points, bps*) dalam mesyuarat FOMC seterusnya pada 26 hingga 27 Julai.

Dalam pasaran domestik, Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka meningkatkan kadar dasar semalaman (*overnight policy rate, OPR*) sebanyak 25bps dalam mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) yang berikutnya dari 5 hingga 6 Julai selepas kenaikan 25bps pada mesyuarat yang diadakan pada 10 dan 11 Mei sebelum ini.

Pakar ekonomi menjangkakan tindak balas agresif dalam kalangan bank pusat ASEAN selepas Fed AS mengumumkan kenaikan kadar faedah tersebut. Kini mereka mengunjurkan lagi kenaikan sebanyak 25bps menjelang akhir 2022 untuk meningkatkan OPR kepada 2.5% berbanding pandangan sebelum ini yang mengunjurkan kenaikan 25bps pada setengah tahun kedua 2022 kepada 2.25%.

Kesan inflasi terhadap pelabur

Rangkaian peristiwa di atas menyebabkan Bursa Malaysia diselubungi ketidaktentuan apabila pelabur terpaksa mempertimbangkan semula risiko yang melibatkan (i) inflasi yang semakin meningkat, (ii) potensi aliran keluar modal berikutan langkah agresif oleh Fed AS, (iii) perang Rusia-Ukraine yang berlarutan, (iv) konflik AS – China yang memuncak dan (v) ketidakstabilan politik yang berlatarkan spekulasi Pilihan Raya Umum ke-15 pada separuh tahun kedua 2022.

Secara ringkasnya, inflasi mengurangkan kuasa beli pengguna dan pada masa yang sama, menaikkan harga input yang menyebabkan pengeluar terpaksa menyalurkan peningkatan kos pengeluaran yang tinggi kepada pengguna.

Pengguna bakal menyaksikan kuasa beli dihakis melainkan jika terdapat peningkatan yang seiring dalam pendapatan mereka serta langkah yang sewajarnya dilaksanakan untuk membendung inflasi dan mengekalkan pekerjaan.

Apabila kuasa beli pengguna menurun, mereka hanya mampu membeli barangan yang sedikit menggunakan jumlah wang yang sama.

Perkembangan sebegini biasanya negatif untuk stok yang dipacu pengguna seperti barangan pengguna yang bergerak pantas (*fast moving consumer goods, FMGC*) atau barang pengguna tahan lama kerana keupayaan pengguna untuk berbelanja semakin berkurangan. Syarikat-syarikat ini mungkin terpaksa menyerap kos pengeluaran yang meningkat atau mengurangkan keuntungan syarikat jika mereka tidak dapat menyalurkan peningkatan kos kepada pengguna.

Maka apabila inflasi meningkat dan kadar faedah juga meningkat, kos modal juga akan turut meningkat.

Kos modal ialah gabungan kos ekuiti dan kos hutang. Apabila kadar hasil bon meningkat, kos modal turut meningkat. Justeru aliran tunai masa depan syarikat akan

dinilai lebih rendah. Memandangkan salah satu kaedah penilaian ekuiti adalah dengan cara mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan, maka apabila kadar pendiskaunan meningkat sudah pasti penilaian ekuiti akan menurun.

Saham pertumbuhan atau saham nilai

Walaupun tiada lindung nilai yang sempurna terhadap inflasi, data sejarah menunjukkan bahawa secara purata, strategi pelaburan nilai menunjukkan prestasi yang sangat baik semasa tempoh inflasi tetapi secara amnya, prestasi tidak begitu bagus sewaktu tempoh inflasi rendah.

Seperti namanya, pelaburan pertumbuhan menilai sesebuah syarikat dengan pendapatan mereka pada masa depan berbanding pendapatan semasa atau masa lalu. Inflasi pula ialah proses yang mana wang pada masa hadapan menjadi kurang bernilai pada masa kini.

Oleh itu, dalam tempoh inflasi yang tinggi, pendapatan masa depan menjadi kurang bernilai dan pendapatan semasa menjadi lebih bernilai. Memandangkan "saham nilai" dinilai berdasarkan pendapatan semasa saham tersebut, dikatakan bahawa tempoh inflasi adalah lebih baik untuk saham nilai (misalnya, bank) berbanding saham pertumbuhan (misalnya, syarikat teknologi) dan sebaliknya.

Dalam iklim ekonomi yang tenang, pelabur menjangkakan saham pertumbuhan memperoleh keuntungan modal yang besar disebabkan pertumbuhan yang kukuh dalam syarikat berkenaan. Jangkaan ini boleh menyebabkan saham ini kelihatan dinilai tinggi kerana nisbah harga kepada pendapatan (*price to earnings, PE*) yang tinggi.

Sebaliknya, saham nilai selalunya dinilai kurang atau diabaikan oleh pasaran, tetapi lama kelamaan ia dapat meraih nilai. Syarikat-syarikat ini juga biasanya membayar dividen maka pelabur boleh cuba mendapatkan keuntungan daripadanya. Saham nilai cenderung didagangkan pada nisbah PE yang rendah.

Saham terbaik sewaktu tempoh inflasi

Dalam konteks yang lebih luas, saham dijangka terjejas apabila inflasi meningkat, tetapi inflasi juga boleh bermakna ekonomi sedang berkembang.

Memandangkan inflasi meningkatkan kos barangan, perniagaan yang kurang bergantung pada bahan mentah dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding perniagaan yang mempunyai produk berintensif kos.

Saham cip biru juga mungkin menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding saham pertumbuhan sewaktu tempoh inflasi kerana ia biasanya mempunyai hutang yang rendah. Ini adalah kerana, sebarang kenaikan kadar faedah akan meningkatkan kos pembiayaan bagi syarikat yang bergantung pada hutang untuk mendorong pertumbuhan.

Persamaan ini bagi bank-bank pula adalah sebaliknya. Keuntungan bank ke atas pinjaman meningkat apabila kadar faedah meningkat. Walau bagaimanapun,

kadar faedah yang tinggi juga mungkin membantutkan permintaan kredit daripada pengguna.

Walaupun secara teori, inflasi mungkin membawa kesan negatif ke atas bon dan ekuiti, tahap kenaikan inflasi tertentu adalah sejajar dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (*Gross Domestic Product, GDP*).

Malah dalam ekonomi utama seperti Amerika Syarikat dan Jepun, usaha sedang dijalankan untuk memulihkan semula inflasi ke paras 2% iaitu tahap yang sepatutnya dapat merangsang pertumbuhan. Mengimbas kembali pertumbuhan dunia sejak 20 tahun yang lalu, kita akan mendapati bahawa KDNK tidak pernah berkembang dengan ketara apabila inflasi berada pada tahap yang sangat rendah.

Walaupun inflasi yang terlampau tinggi boleh menjadi malapetaka kepada ekonomi, ambang inflasi tertentu diperlukan untuk memberi insentif kepada pengeluar dan perniagaan. Oleh yang demikian, kenaikan inflasi mempunyai risiko penurunan tertentu namun ia juga penting untuk pertumbuhan.

Garis keseimbangan yang halus ini perlu dicapai bagi memastikan ekonomi makro berada pada kedudukan yang betul.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 27 Jun hingga 1 Julai 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
27.06.22 (Isnin) 10.00 pagi	Pertama Digital Berhad (AGM)	Syarikat sebelum ini telah melancarkan eJamin dan MySMS, masing-masing bertujuan memudahkan proses jaminan di Mahkamah dan sebagai sistem pesanan Kerajaan. Melangkah ke hadapan, prestasi Syarikat bergantung pada pelancaran produk digital yang memenuhi keperluan pasaran serta mempunyai daya tarikan secara besar-besaran.
27.06.22 (Isnin) 10.00 pagi	Jiankun International Berhad (AGM)	Pendapatan meningkat kepada RM59.9 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM58.7 juta pada tahun kewangan 2020. Untung sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) pula berjumlah RM4.5 juta (tahun kewangan 2020: RM7.8 juta).

		Untung bersih menyusut, terutamanya disebabkan oleh pembayaran berasaskan saham di bawah skim terbitan saham, rosot nilai ke atas penghutang dan kerugian daripada penilaian hartanah di China.
27.06.22 (Isnin) 03.00 petang	OCK Group Berhad (AGM)	<p>OCK mencatatkan untung bersih berjumlah RM32.6 juta pada tahun kewangan 2021, mengatasi jumlah yang dicatatkan pada tahun kewangan 2020 iaitu RM31.6 juta.</p> <p>Pendapatan kumpulan berjumlah RM488.2 juta, mewakili peningkatan 3.1% tahun ke tahun daripada RM473.5 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2020. Bahagian pendapatan yang berulang menyumbang 68% daripada pendapatannya pada tahun kewangan 2021 berbanding 66.0% pada tahun kewangan 2020. Dari segi jumlah, jumlah pendapatan berulang bagi tahun kewangan 2021 meningkat sebanyak 6.2% kepada RM331.8 juta berbanding tahun kewangan 2020.</p>
28.06.22 (Selasa) 10.00 pagi	KPJ Healthcare Berhad (AGM)	Kadar Penghunian Katil (<i>Bed Occupancy Rate, BOR</i>) KPJ merosot kepada 43% pada tahun kewangan 2021 berbanding 47% pada tahun kewangan 2020. Melangkah ke hadapan, Syarikat perlu merangka strategi untuk memanfaatkan pemulihan perniagaan kesihatan apabila fasa pandemik beralih ke fasa endemik, dengan menggunakan kedudukannya sebagai salah sebuah rangkaian hospital terbesar di negara ini.
28.06.22 (Selasa) 10.00 pagi	LFE Corporation Berhad (AGM)	<p>LFE mencatatkan pendapatan berjumlah RM32.9 juta pada tahun kewangan 2021, meningkat 145% berbanding RM13.4 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Pendapatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh projek sedia ada di Malaysia.</p> <p>Kumpulan merekodkan kerugian daripada operasi berjumlah RM11.1</p>

		<p>juta bagi tahun kewangan 2021, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan tidak berulang yang melibatkan kerugian rosot nilai ke atas tunggakan aset kontrak dan penghutang berjumlah RM12.6 juta.</p> <p>Anak syarikat yang baru diambil alih iaitu Cosmo Property Management mempunyai nilai kontrak belum dibilkan yang tertunggak sebanyak RM104 juta pada tahun kewangan 2021. Ini memberikan bayangan pendapatan pada tahun-tahun akan datang.</p>
28.06.22 (Selasa) 11.30 pagi	Minda Global Berhad (AGM)	<p>Minda mencatatkan keuntungan bersih kali pertama berjumlah RM3.5 juta pada tahun kewangan 2021. Pelan Pemulihan Strategiknya berjaya mencapai keputusan yang dijangkakan dan Syarikat berada di landasan yang betul untuk mencapai prestasi yang lebih baik pada tahun kewangan 2023 dengan mematuhi Pelan Pemulihan dan strategi pemasaran yang agresif untuk meningkatkan pendaftaran pelajar.</p>
28.06.22 (Selasa) 02.00 petang	Velesto Energy Berhad (AGM)	<p>Sejajar dengan penggunaan pelantar yang lebih rendah sebanyak 48%, pendapatan Velesto bagi tahun kewangan 2021 menyusut 31% tahun ke tahun kepada RM378 juta daripada RM547 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Perkhidmatan penggerudiannya mencatatkan pendapatan berjumlah RM359 juta, iaitu 33% lebih rendah daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, segmen perkhidmatan lapangan minyaknya mencatatkan pendapatan berjumlah RM17.1 juta iaitu 63% lebih tinggi, tahun ke tahun.</p> <p>Perkhidmatan Penggerudian kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan Velesto, menyumbang 95% daripada prestasi barisan teratas Kumpulan.</p> <p>Bagaimanapun, Velesto berjaya mengurangkan rugi bersihnya</p>

		kepada RM91 juta daripada RM492 juta pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh tuntutan insurans untuk Naga 7 dan tiada rosot nilai bagi tahun ini (tahun kewangan 2021: RM462 juta).
29.06.22 (Rabu) 09.00 pagi	XL Holdings Berhad (AGM)	XL mencatatkan pendapatan yang kukuh berjumlah RM84.3 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM27.8 juta pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, lonjakan pendapatan ini hanya menghasilkan untung bersih berjumlah RM116,000 pada tahun kewangan 2022. Syarikat perlu mengambil langkah sewajarnya untuk mengoptimumkan struktur kos bagi memastikan kadar keuntungan adalah setimpal dengan prestasi pendapatan.
29.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	Priceworth International Berhad (AGM)	Priceworth merekodkan kerugian berjumlah RM39.6 juta bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021, berbanding kerugian RM62.3 juta pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020. Penyusutan kerugian sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan jualan memandangkan pengeluaran telah disambung semula secara beransur-ansur selepas mengalami gangguan operasi pada tahun sebelumnya. Keuntungan daripada pelupusan aset tetap dan pembalikan rosot nilai ke atas penghutang juga merupakan faktor yang menyumbang kepada prestasi kewangan yang lebih baik.
29.06.22 (Rabu) 10.00 pagi	TSH Resources Berhad (EGM)	Anak syarikat 90% milik TSH, PT Bulungan Citra Persada telah menandatangani perjanjian untuk melupuskan tanah ladang kelapa sawit seluas 13,898.26 hektar di wilayah Kalimantan Utara, Indonesia dengan pertimbangan tunai sebanyak Rp2,428.86 bilion (bersamaan dengan kira-kira RM731.09 juta). Sebahagian besar penerimaan ini akan digunakan untuk membayar balik pinjamannya, sekali gus mengurangkan tahap penggearannya daripada 0.68 kali kepada 0.28 kali.

<p>29.06.22 (Rabu) 10.30 pagi</p>	<p>Aeon Credit Service (M) Berhad (AGM)</p>	<p>Khalayak sedang menantikan ciri-ciri bank digital Islam yang akan ditubuhkan oleh konsortium yang terdiri daripada Aeon Credit, AEON Financial Service Co dan MoneyLion.</p> <p>Konsortium ini telah berjaya mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (<i>Ministry of Finance, MoF</i>) dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk lesen perbankan digital Islam pada 29 April 2022.</p> <p>Selepas menerima lesen daripada BNM, pemohon yang berjaya akan menjalani tempoh kesediaan operasi yang akan disahkan oleh BNM melalui audit sebelum mereka boleh memulakan operasi. Proses ini mungkin mengambil masa antara 12 hingga 24 bulan.</p>
<p>30.06.22 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Mah Sing Group Berhad (AGM)</p>	<p>Mah Sing mencatatkan untung bersih berjumlah RM160.9 juta bagi tahun kewangan 2021, meningkat daripada RM94.3 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.</p> <p>Peningkatan prestasi keuntungan ini disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM1.75 bilion pada tahun kewangan 2021, mewakili pertumbuhan sebanyak 14.38% berbanding pendapatan RM1.53 bilion pada tahun kewangan 2020.</p>
<p>30.06.22 (Khamis) 10.30 pagi</p>	<p>SMTRACK Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM6.1 juta untuk tempoh kewangan 17 bulan berakhir 31 Disember 2021 berbanding RM1.8 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Peningkatan pendapatan adalah disumbangkan oleh aktiviti jual beli peralatan yang berkaitan teknologi maklumat (<i>information technology, IT</i>) dan pengecaman frekuensi radio (<i>Radio Frequency Identification, RFID</i>).</p> <p>Kerugian bersih Kumpulan menyusut kepada RM7.4 juta berbanding</p>

		<p>RM10.1 juta pada tahun kewangan 2020 disebabkan oleh perbelanjaan rosot nilai yang tinggi ke atas penghutang dagangan, penghutang lain dan jumlah terhutang daripada syarikat bersekutu yang ditanggung pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Kumpulan juga telah menukar akhir tahun kewangannya dari Julai 2021 kepada Disember 2021.</p>
01.07.22 (Jumaat) 10.30 pagi	Fitters Diversified Berhad (EGM)	<p>Fitters bercadang untuk menerbitkan sehingga 1.86 bilion saham baharu bersama-sama sehingga 1.24 bilion waran boleh tanggal percuma berdasarkan 3 saham hak dengan 2 waran percuma bagi setiap 1 saham Fitters sedia ada yang dipegang. Pelaksanaan pengumpulan dana ini dijangka akan mengumpul sehingga RM149 juta yang akan digunakan sebagai modal kerja kilang kelapa sawit (40.3%), pembayaran balik pinjaman (33.6%) dan pembiayaan untuk projek perkhidmatan kawalan kebakaran (25.6%).</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:	
Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Pertama Digital Berhad (AGM)	<p>1. Perbelanjaan pentadbiran dan am Syarikat meningkat secara mendadak kepada RM7.6 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 berbanding RM950k pada tahun kewangan berakhir 2021. (Halaman 60, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan lonjakan dalam perbelanjaan ini?</p> <p>2. Perbelanjaan lain melonjak kepada RM21.6 juta pada tahun kewangan berakhir 2021, berbanding RM356k pada tahun kewangan berakhir 2020. (Halaman 60, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah sebab di sebalik lonjakan yang ketara ini?</p>
Jiankun International Berhad (AGM)	<p>Kumpulan membuat peruntukan kerugian rosot nilai berjumlah RM4.24 juta ke atas penghutang lain di bawah aset bukan semasa pada tahun kewangan 2021. (Halaman 115, Laporan Tahunan)</p> <p>Kerugian rosot nilai ini adalah amaun terhutang daripada Silverland Capital Sdn. Bhd. ('SCSB').</p>

	<p>a) Berapa lamakah jumlah terhutang daripada SCSB ini sudah tertunggak?</p> <p>b) Mengapakah SCSB enggan memindahkan dan/ atau menyebabkan pendaftaran pemilikan dan hak milik unit hartanah dalam Silverlakes Brands Village dipindahkan kepada sebuah anak syarikat Kumpulan?</p> <p>c) Adakah projek hartanah yang dijalankan oleh SCSB sudah siap? Jika belum, bilakah tarikh ia dijangka siap?</p>
<p>OCK Group Berhad (AGM)</p>	<p>1. Pendapatan kumpulan meningkat RM14.677 juta daripada RM473.506 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM488.183 juta pada tahun kewangan 2021. Bagaimanapun, kos jualan meningkat sebanyak RM16.491 juta daripada RM347.467 juta kepada RM363.958 juta. Oleh yang demikian, untung kasar menyusut sebanyak RM1.814 juta daripada RM126.039 juta kepada RM124.225 juta. (Halaman 97, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah punca utama kenaikan kos jualan yang tidak setimpal dengan peningkatan pendapatan? Bagaimanakah Kumpulan mengurus kos jualan yang semakin meningkat pada masa hadapan?</p> <p>2. Pada akhir tahun kewangan 2021, liabiliti semasa Kumpulan berjumlah RM447.935 juta yang melebihi aset semasa Kumpulan sebanyak RM406.101 juta. (Halaman 99 dan 100, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang sebenarnya berlaku dan menyebabkan Kumpulan berada dalam situasi ini?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan mengurus kecairan bagi memenuhi liabiliti semasa apabila tiba masanya?</p> <p>c) Bagaimanakah pihak Pengurusan bercadang untuk menangani situasi ini bagi memastikan aset semasa melebihi liabiliti semasa pada tahap yang sihat?</p>
<p>KPJ Healthcare Berhad (AGM)</p>	<p>Rosot nilai ke atas penghutang dagangan meningkat dengan ketara kepada RM11.6 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding pembalikan berjumlah RM21,000 pada tahun kewangan 2020. (Halaman 195, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan yang ketara ini?</p> <p>b) Adakah Syarikat menyemak semula dasar kreditnya bagi memastikan hanya pelanggan yang layak diberikan kemudahan kredit?</p> <p>c) Adakah Syarikat menjangkakan peningkatan dalam rosot nilai memandangkan keadaan ekonomi masih lemah?</p>

LFE Corporation Berhad
(AGM)

Terdapat peningkatan ketara dalam caj rosot nilai bagi Kumpulan dan Syarikat untuk item berikut pada tahun kewangan 2021: (Halaman 52, Laporan Tahunan 2021)

	Kumpulan		Syarikat	
	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kerugian rosot nilai/ (pembalikan kerugian rosot nilai) ke atas:				
- Aset kontrak	5,225	(116)		
- Penghutang dagangan	6,850	257		
- Penghutang lain	556	478		
- Pelaburan dalam anak syarikat	-	-	39,095	176

- a) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai yang tinggi bagi setiap item?
- b) Apakah kebarangkalian tambahan rosot nilai atau pembalikan atau kebolehpulihan bagi setiap item, jika ada, pada tahun kewangan 2022?

Minda Global Berhad
(AGM)

Kerugian rosot nilai bersih ke atas penghutang dagangan melonjak kepada RM4.1 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM2 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 67, Laporan Tahunan 2021)

- a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam rosot nilai?
- b) Berapakah jumlah daripada rosot nilai ini telah dipulihkan sehingga kini?
- c) Berapa peratus daripada rosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan?
- d) Adakah rosot nilai ini dijangka meningkat pada masa hadapan?

Velesto Energy Berhad
(AGM)

Kumpulan telah melupuskan pelantar, unit kerja hidraulik (*Hydraulic Workover Unit*, HWU) dan peralatan penggerudian berjumlah RM988.4 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM0.9 juta pada tahun kewangan 2020 (Halaman 192, Laporan Tahunan)

Pelantar minyak Naga 7 ditimpa kemalangan dan terpaksa dihapus kira sepenuhnya. Ia telah diiktiraf ke dalam aset dihapus kira bernilai RM988.4 juta.

- a) Sila berikan pecahan amaun yang dihapus kira berjumlah RM988.4 juta mengikut kategori aset.
- b) Adakah syarikat akan menambah hapus kira aset dalam kelas pelantar, HWU dan peralatan penggerudian pada

	tahun kewangan 2022? Jika ada, berapakah anggaran jumlahnya?
XL Holdings Berhad (AGM)	<p>Syarikat mencatatkan prestasi pendapatan yang kukuh bagi tahun kewangan 2022 apabila pendapatan mencecah RM84.3 juta berbanding RM27.8 juta pada tahun kewangan 2021. Walau bagaimanapun, prestasi pendapatan ini tidak diterjemah kepada peningkatan Untung Selepas Cukai (<i>Profit After Tax, PAT</i>) apabila syarikat cuma mencatatkan PAT berjumlah RM116k bagi tahun kewangan berakhir 2022 berbanding PAT RM469k bagi tahun kewangan berakhir 2021. (Halaman 12, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Jelas sekali, pengurusan kos yang lebih baik boleh mendorong Syarikat mencatatkan untung selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) yang lebih tinggi.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk membendung kenaikan kos supaya ia boleh meningkatkan PAT bagi tahun kewangan berakhir 2023?</p>
Priceworth International Berhad (AGM)	<p><u>Ketidakpastian Ketara Berhubung Usaha Berterusan</u></p> <p>Juruaudit luar menarik perhatian kepada Nota 2 dalam penyata kewangan yang menunjukkan bahawa Kumpulan mengalami kerugian kasar berjumlah RM16,588,318, kerugian bersih RM39,539,615 dan aliran tunai daripada operasi yang negatif sebanyak RM7,885,979 dalam tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2021. Pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Kumpulan melebihi aset semasanya sebanyak RM79,948,802 dan Kumpulan tidak mematuhi syarat-syarat pembayaran balik pinjaman banknya. Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2, peristiwa atau keadaan ini, bersama-sama perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2, menunjukkan bahawa wujud ketidakpastian material yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan (Halaman 48, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah perancangan Lembaga Pengarah untuk menangani isu-isu yang dinyatakan di atas yang diketengahkan oleh juruaudit luar?</p> <p>b) Menyentuh isu liabiliti semasa yang melebihi aset semasa, adakah Syarikat dapat memenuhi obligasi jangka pendeknya pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
Aeon Credit Service (M) Berhad (AGM)	<p>Tekanan inflasi semakin meningkat manakala kenaikan kadar serta kemelesetan ekonomi bakal berlaku seperti yang diramalkan oleh sesetengah ahli ekonomi dan eksekutif perniagaan. Ini dikhuatiri akan menjejaskan penggunaan pengguna.</p> <p>Berlatarkan prospek makroekonomi yang mencabar, adakah AEONCR menjangkakan kelembapan dalam permintaan kredit merentas semua segmen pembiayaannya?</p>

	Adakah AEONCR merasai tempias daripada perkembangan global baru-baru ini yang turut menjejaskan lanskap ekonomi Malaysia?
Mah Sing Group Berhad (AGM)	<p>Perniagaan Pembuatan Sarung Tangan dikelompokkan di bawah segmen perniagaan Pembuatan yang juga merangkumi perniagaan Pembuatan Plastik.</p> <p>Segmen perniagaan Pembuatan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM370.3 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM288.2 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Walau bagaimanapun, segmen ini mencatatkan kerugian berjumlah RM8.46 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding keuntungan segmen berjumlah RM15.95 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 267 & 268, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah jumlah pendapatan dan kerugian bagi segmen perniagaan Pembuatan Sarung Tangan pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Persaingan menjadi semakin sengit daripada pemain baharu dan harga jualan purata sarung tangan getah mulai menurun selepas mencapai paras tertinggi pada kemuncak pandemik COVID-19.</p> <p>Adakah perniagaan Pembuatan Sarung Tangan dijangka mencatatkan kerugian yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2022? Jika ya, berapakah kerugian yang dijangkakan?</p> <p>c) Daripada 12 barisan pengeluaran dalam perniagaan Pembuatan Sarung Tangan, berapa banyak yang sedang beroperasi dan apakah kadar penggunaan pengeluaran untuk barisan pengeluaran ini pada bulan Mei 2022 berbanding Mac 2022.</p> <p>d) Adakah Syarikat mempunyai apa-apa rancangan untuk mengembangkan perniagaan Pembuatan Sarung Tangan? Jika ada, sila kemukakan pelan pengembangan dari segi bilangan barisan pengeluaran yang akan dipasang, pengeluaran tahunan sarung tangan daripada barisan pengeluaran baharu dan tarikh sasaran untuk disiapkan.</p> <p>e) The Edge Malaysia bertarikh 24 Mei 2022 melaporkan bahawa Syarikat sedang mempertimbangkan untuk menjual perniagaan Pembuatan Sarung Tangan. Adakah berita itu sahih? Mengapakah Syarikat mempertimbangkan untuk menjual perniagaan Sarung Tangannya?</p>
SMTRACK Berhad (AGM)	Pendapatan (Nota 4.1, halaman 74, Laporan Tahunan 2021):

		1.8.2020 hingga 31.12.202 1	1.8.2019 hingga 31.7.2020
Jenis barangan/ perkhidmatan		RM	RM
Perkhidmatan penyelenggaraan dan sokongan teknikal RFID		1,981,132	1,652,255
Kargo udara dan perkhidmatan berkaitan penerbangan		57,753	134,605
Jual beli peralatan		4,103,925	-
Jumlah		6,142,810	1,786,860

a) Terdapat pertambahan pendapatan daripada jual beli peralatan berjumlah RM4.1 juta pada tahun kewangan 2021. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan berakhir 2020. Adakah sumbangan pendapatan ini mampan atau tidak berulang? Apakah prospek dan permintaan terhadap peralatan tersebut pada masa hadapan?

b) Apakah punca sumbangan pendapatan yang rendah daripada kargo udara dan perkhidmatan berkaitan penerbangan iaitu RM57,753 daripada jumlah pendapatan Kumpulan?

Berapakah sumbangan pendapatan daripada kargo udara dan perkhidmatan berkaitan penerbangan kepada Kumpulan setakat ini?

Fitters Diversified Berhad (EGM)

Kumpulan memiliki dan mengendalikan kilang kelapa sawit di Kuala Ketil, Kedah di bawah segmen tenaga boleh diperbaharui dan sisa kepada tenaga, dengan kapasiti pengilangan 60 tan metrik sejam. Operasi kilang sawit merupakan penyumbang pendapatan terbesar Kumpulan, yang menyumbang lebih daripada 35% kepada pendapatan Kumpulan dalam lima tahun kewangan yang lalu.

Bahan mentah utama untuk operasi kilang Kumpulan ialah tandan buah segar (*fresh fruit bunch*, FFB) yang dibekalkan oleh peniaga dan pekebun kecil di ladang di persekitaran kilang. Keberuntungan kilang kelapa sawit bergantung kepada bekalan FFB yang berterusan. Harga FFB tidak menentu tetapi ia mengalami aliran menaik secara keseluruhan dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini. Ini seterusnya meningkatkan keperluan modal kerja bagi kilang minyak sawit Kumpulan.

Oleh yang demikian, Kumpulan bercadang untuk menggunakan terimaan daripada Cadangan Terbitan Hak dengan Waran sehingga RM60.00 juta untuk membiayai modal kerja bagi kilang minyak sawitnya. (Halaman 12 daripada Pekeliling kepada pemegang saham bertarikh 16 Jun 2022)

	<p>a) Apakah kadar penggunaan purata bagi kilang minyak kelapa sawit syarikat pada tahun kewangan 2021? Sila berikan kadar penggunaan tahunan untuk lima tahun kewangan yang lalu. Apakah kadar penggunaan yang diperlukan oleh kilang untuk pulang modal?</p> <p>b) Berapakah usia kilang tersebut? Berapakah perbelanjaan modal yang melibatkan penyelenggaraan perlu dibelanjakan setiap tahun? Adakah syarikat mengiktiraf apa-apa kerugian rosot nilai sepanjang lima tahun yang lalu?</p> <p>c) Berapakah pulangan atas ekuiti (<i>return on equity</i>, ROE) purata bagi segmen perniagaan ini sepanjang lima tahun yang lalu? Sila berikan pecahan pendapatan dan untung/rugi bersih bagi lima tahun kewangan yang lalu.</p> <p>d) Walaupun perniagaan kilang kelapa sawit adalah penyumbang terbesar kepada pendapatan Kumpulan, ia nampaknya mengalami kerugian dalam lima tahun kebelakangan ini. Mengapakah Kumpulan masih menyuntik lebih banyak modal ke dalam perniagaan yang rugi?</p> <p>e) Berapakah nilai buku bersih kilang ini dan adakah syarikat mempunyai rancangan untuk melupuskannya?</p>
--	--

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.